



SIARAN MEDIA

PENJUALAN PERMIT TAPAK PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL UNTUK SAMBUTAN THAIPUSAM 2024

1. Majlis Perbandaran Selayang akan mengadakan penjualan permit dan undian tapak niaga Thaipusam pada 18 Januari 2024 (Khamis), pukul 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak, Batu Caves.
2. Sebanyak 294 petak ditawarkan pada tahun ini dengan keluasan 10 x 10 kaki dimana 198 petak dibuka untuk perniagaan am, makanan, minuman dan inai, gunting rambut dan tatoo, penjaja bergerak / food trak, penjaja bunga malai dan pihak NGO. MPS juga menyediakan 15 petak untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan diskon khas sebanyak 30% akan diberikan untuk pembelian permit tapak perniagaan.
3. Baki 82 petak pula adalah untuk petak *hotspot* yang berlokasi di kawasan tumpuan pengunjung dengan keluasan 10 x 10 kaki. Sebanyak 47 petak *hotspot* disediakan untuk Perniagaan Am, makanan, minuman dan inai yang dikenakan bayaran dengan kadar RM500 manakala 35 petak *hotspot* adalah untuk perniagaan gunting rambut dan tatoo dengan kadar RM600. Tiada kawasan *hotspot* disediakan untuk kategori yang lain.
4. Untuk makluman, tempoh pembelian ke semua petak yang dikeluarkan adalah selama 5 hari bermula daripada 18 hingga 26 Januari 2023 tertakluk kepada kekosongan dan tempoh perniagaan adalah selama 4 hari mulai 23 hingga 26 Januari 2023. Kadar harga yang ditawarkan adalah berbeza berdasarkan kepada tarikh jualan petak. Perincian jumlah petak, Kadar permit dan syarat-syarat permit perayaan Thaipusam adalah seperti di **Lampiran 1**.
5. Adalah diingatkan bahawa semua pemohon permit petak niaga Thaipusam yang menjual makanan dan minuman diwajibkan untuk memiliki Suntikan TY2 (Tifoid) yang masih sah dan Sijil Kursus Pengendalian Makanan bagi pemohon dan pembantu. Untuk perniagaan gunting rambut, pemohon dan pembantu perlu memiliki Sijil Pemeriksaan Kesihatan (Hepatitis B, HIV & TIBI).

- Berdasarkan arahan kerajaan negeri Selangor, penjaja makanan juga diwajibkan untuk memakai pelitup muka selain digalakkan menyediakan kemudahan pembayaran secara tanpa tunai (*cashless*).

ASPEK KEBERSIHAN DAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- Untuk memastikan kebersihan dan pengurusan sisa pepejal sepanjang perayaan ini berlangsung di tahap yang terbaik, MPS akan menyediakan 10 unit Tong RORO dan 50 unit tong MGB berkapasiti 240 liter di lokasi strategik terutama di sekitar kawasan tumpuan serta laluan pengunjung. Seramai 45 orang pekerja pembersihan juga akan bertugas secara syif berdasarkan pusingan jadual 24 Jam untuk melaksanakan kerja-kerja kutipan sisa pepejal bermula 22 Januari - 4 Februari 2024.
- Untuk makluman anggaran kos untuk pengurusan sisa pepejal untuk perayaan Thaipusam ini adalah sebanyak RM 160,000 dengan jumlah anggaran sampah yang bakal dikutip sehingga 400 tan sepanjang tempoh 14 hari perayaan itu berlangsung.
- Untuk tahun 2023, sebanyak 380 tan sampah dihasilkan dan MPS telah membelanjakan sebanyak RM 135,000.00 untuk kos pembersihan dan pengurusan sisa pepejal.
- Penjaja adalah diingatkan untuk mengekalkan tahap kebersihan persekitaran serta mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit. MPS juga melarang peniaga menggunakan sebarang bentuk bekas makanan / minuman daripada polisterina sepanjang tempoh jualan.
- Pengunjung juga diseru untuk memberikan kerjasama dengan tidak membuang sampah merata-rata dan menggunakan tong-tong sampah yang telah disediakan.

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

- Dari segi aspek penguatkuasaan, seramai 143 orang anggota penguatkuasa MPS akan membuat pemantauan dan kawalan bermula 22 Januari 2024. Pemantauan akan dilakukan untuk memastikan semua penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan memiliki permit yang sah.

13. Akhir sekali MPS berharap semua pihak dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh bagi memastikan perayaan Thaipusam tahun 2024 dapat disambut dengan lancar dan penuh kemeriahinan.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
9 Januari 2024



مجلیس فرینڈارن سلاینج

Majlis Perbandaran Selayang

LAMPIRAN 1



PEMAKLUMAN

HEBAHAN JUALAN PETAK THAIPUSAM 2024

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Selayang akan mengadakan undian dan jualan petak sempena perayaan Thaipusam seperti ketetapan berikut:

Lokasi: Dewan Beringin,Taman Sri Gombak | Tarikh: 18 Januari 2024 (Khamis)

Masa: 9.00 pagi - 1.00 tengah hari

| JENIS PERMIT | KATEGORI | HARGA PADA HARI UNDIAN PETAK | *HARGA DI PEJABAT (22 JANUARI 2024) | *HARGA DI TAPAK | JUMLAH PETAK |
|---|----------|--|-------------------------------------|-----------------|--------------|
| Perniagaan Makanan Dan Minuman Dan Inai | Biasa | RM 200 | RM 350 | RM 600 | 128 |
| | Hotspot | RM 500 | RM 600 | RM 800 | 47 |
| Gunting Rambut Dan Tatoo | Biasa | RM 250 | RM 500 | RM 700 | 16 |
| | Hotspot | RM 600 | RM 700 | RM 1,000 | 35 |
| Penjaja Bergerak / Food Truck | Biasa | - | RM 200 | - | 10 |
| Penjaja Sementara Bunga Malai | Hotspot | RM 500 | RM 600 | RM 800 | 19 |
| OKU - Diskaun 30% | | RM 600 | RM 700 | RM 1,000 | 15 |
| NGO | Biasa | 1 kaki persegi = RM 1.50 (Mengikut Keluasan) | | | 22 |
| | Hotspot | 1 kaki persegi = RM 2.00 (Mengikut Keluasan) | | | |
| Belon / Aiskrim | | RM 200/ 4 Hari | | | |
| Tandas Awam | | RM 100/ Unit/ Hari | | | 2 |
| Jumlah Keseluruhan Petak | | | | | 294 |

Perkhidmatan yang disediakan

- Kaunter Pendaftaran Kursus Pengendalian Makanan
- Kaunter Suntikan Ty2, Pemeriksaan kesihatan bagi Hepatitis B, TIBI dan HIV
- Kemudahan Mesin Fotostat
- Kaunter Pendaftaran Skim PERKESO

Penjaja :

- Digalakkan untuk menjalankan urus niaga menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai (**cashless**)
- Digalakkan untuk menyediakan alat pemadam api di tapak niaga ketika perniagaan dijalankan



Imbas kod QR di atas untuk syarat-syarat permit penjaja thaipusam

PERHATIAN: SEBARANG DOKUMEN YANG TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DILAYAN

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi Jabatan Pelesenan Di Talian 03-6126 5940/41/42/43

LAMPIRAN 2

SYARAT-SYARAT PERMIT THAIPUSAM

1. Berumur **18 tahun ke atas** dan **Warganegara Malaysia** sahaja.
2. Tempoh maksima permit yang dikeluarkan ini adalah untuk **empat (4) hari sahaja. (23/01/2024-26/01/2024)**
3. **Pihak MPS berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan** sekiranya terdapat sebarang pelanggaran syarat perniagaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa oleh Pihak Berkusa.
4. **Kegagalan pemegang permit dalam mematuhi segala peraturan dan kehendak MPS boleh menyebabkan peniaga dikenakan tindakan penguatkuasaan termasuk kelulusan permit dibatalkan.**
5. Aktiviti perniagaan hanya dibenarkan di dalam petak atau kawasan yang diluluskan (**mengikut keluasan yang disediakan**) sahaja seperti yang tertera dalam surat / permit kelulusan dan mengikut jenis aktiviti yang diluluskan serta **diwajibkan mempamerkan permit tersebut sepanjang tempoh perniagaan dijalankan.**
6. Pemegang permit adalah **dilarang mempelawa atau menyewakan tapak kepada individu lain**. Tindakan penguatkuasaan akan dilakukan oleh MPS jika berlaku ketidakpatuhan ini.
7. Peniaga hanya dibenarkan menggunakan **peralatan mudah-alih seperti meja, kerusi, 'stall', payung** dan **peralatan ini perlu dialihkan selepas tamat tempoh permit.**
8. **Tindakan sita peralatan** akan dibuat jika peniaga didapati meninggalkan, menyimpan, meletakkan barang dan peralatan perniagaan selepas tempoh perniagaan / tamat tempoh permit.
9. **Kenderaan milik peniaga perlu diletakkan di lokasi yang tidak menghalang laluan awam dan tidak mendatangkan kacauganggu.** Tindakan sita akan dilakukan oleh Pihak Berkusa jika terdapat kacauganggu.
10. **Sentiasa memastikan kebersihan petak semasa dan selepas aktiviti perniagaan di jalankan.**
11. Peniaga dikehendaki **membersihkan kawasan petak masing-masing**, segala sisa-sisa perniagaan dan sampah sarap dimasukkan ke dalam plastik sampah dan diikat. **Peniaga tebu dan kelapa perlu meletakkan sisa di dalam bakul/bekas** dan kutipan akan dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh MPS secara berjadual.
12. Berniaga secara bungkus sahaja. **Tidak dibenarkan sama sekali untuk meletakkan kerusi dan meja untuk pelanggan makan.** Penggunaan '**polisterin**' untuk pembungkusan makanan dan minuman adalah dilarang.
13. Bagi perniagaan yang melibatkan **aktiviti penjualan makanan dan minuman, setiap pengendali wajib mempunyai bukti suntikan TY2 dan kursus Pengendali Makanan yang masih sah tempoh dan bagi aktiviti gunting rambut, semua pengendali wajib mempunyai bukti suntikan TY2.**
14. Bagi pengendali makanan bergoreng, **hatau tumpah di atas tapak.**
15. Semua **penyedia dan pengendali makanan wajib memakai topi, apron dan pelitup muka semasa menjalankan aktiviti perniagaan** bagi menjamin keselamatan dan kebersihan makanan yang dijual.
16. Pemegang permit hendaklah **sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh MPS** sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007 dan atau mana-mana peruntukan undang-undang sediaada serta segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPS dari masa ke semasa.
17. Peniaga **tidak dibenarkan menjual** barang permainan '**vuvuzela**' yang mengeluarkan bunyi kuat yang boleh mendatangkan kacauganggu bunyi pada orang awam, **topeng hantu atau penutup muka yang menakutkan** dan **minuman beralkohol.**
18. Hanya dibenarkan menjual makanan berasaskan sayuran (**vegetarian**) sahaja.
19. **Hendaklah meletakkan pelapik atau alas di bawah tempat memasak bagi mengelakkan minyak menitis** **PERINGATAN:** Pihak MPS tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan / kecederaan/ kehilangan/ kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan.